



Entiti Perniagaan Langkah Pertama Ke Arah Gerbang Keusahawanan

Artikel sumbangan SALIHIN CONSULTING GROUP
www.salihin.com.my
sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
bahagian khidmat pelanggan info@salihin.com.my

PERSEPSI berniaga ala 'kedai kopi' harus dibuang. Retorik yang mengatakan "aku berniaga tak payah daftar pun boleh berjaya" adalah cerita perniagaan dahulu kala. Memang ada yang berjaya tetapi kebanyakan tidak berjaya. Pegurusan perniagaan yang cekap bermula daripada pemilihan entiti perniagaan yang tepat.

Oleh itu setiap usahawan yang berhasrat memulakan atau menceburi bidang perniagaan perlu mengetahui apakah entiti perniagaan yang sesuai bagi melaksanakan cita-cita mereka. Ini adalah penting kerana setiap entiti perniagaan yang ditubuhkan akan memberi kesan langsung kepada perniagaan mereka. Sebagai contoh perniagaan tunggal akan mendedahkan para usahawan kepada liabiliti-liabiliti perniagaan secara langsung dan menghadkan usaha untuk mendapatkan modal pusingan yang lebih.

Entiti perniagaan yang sesuai boleh mendorong para usahawan untuk melonjak perniagaan mereka ke satu tahap yang tertinggi. Secara amnya, persepsi masyarakat terhadap syarikat berhad dan syarikat sendirian berhad dari segi kemantapan pengurusan dan modal adalah berlainan. Begitu juga, dari segi para pelabur, pada pendapat mereka adalah lebih menguntungkan untuk melabur di syarikat berhad daripada syarikat sendirian berhad. Oleh itu adalah penting untuk para usahawan mengetahui secara ringkas jenis-jenis entiti perniagaan dan perkara-perkara

yang berkaitan dengannya.

Entiti Perniagaan

Secara amnya, di Malaysia pemilihan entiti perniagaan terbahagi kepada dua jenis iaitu Pendaftaran Perniagaan dan Pendaftaran Syarikat.

Pendaftaran Perniagaan

Pendaftaran perniagaan terdiri daripada pemilihan tunggal dan perkongsian. Milikan tunggal diuruskan oleh seorang pemilik sahaja. Pemilik tunggal berkuasa sepenuhnya ke atas perniagaan di mana ia menerima keseluruhan hasil perniagaan dan menanggung semua risiko dan liabiliti perniagaan. Pada kebiasaannya milikan tunggal diwujudkan pada peringkat awal perniagaan di mana modal dan saiz perniagaan adalah kecil dan

ringkas. Antara kebaikan pemilihan tunggal adalah ia mudah ditubuhkan dan pemilik bebas bertindak mengikut kemahuan sendiri. Selain itu, semua keuntungan dan kerugian ditanggung sendiri oleh pemilik perniagaan tanpa dikongsi dengan orang lain.

Kelemahan perniagaan tunggal ialah mempunyai liabiliti tidak terhad, iaitu mereka menanggung segala risiko termasuk kemungkinan muflis. Di samping itu juga, pemilik tunggal menghadapi kesukaran untuk mendapatkan modal pusingan yang lebih besar.

Pendaftaran Syarikat

Pendaftaran syarikat pula terdiri daripada Syarikat Berhad dan Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat Berhad ialah organisasi perniagaan yang

Perbezaan antara syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad.

Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
<ul style="list-style-type: none"> Ahli Syarikat – 2 hingga 50 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Ahli Syarikat – Dua orang dan tiada had maksimum.
<ul style="list-style-type: none"> Pemegang saham – Terhad kepada orang persendirian. 	<ul style="list-style-type: none"> Pemegang Saham – Tawaran terbuka kepada orang awam.
<ul style="list-style-type: none"> Saham tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada pemegang saham yang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> Bebas dipindah milik dan mudah dijual beli melalui broker di bursa saham.
<ul style="list-style-type: none"> Saham syarikat tidak disenaraikan atau diurusniagakan di bursa saham. 	<ul style="list-style-type: none"> Saham syarikat dan disenaraikan diurusniaga di bursa saham.
<ul style="list-style-type: none"> Penyata kewangan syarikat tidak perlu didedahkan kepada orang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> Penyata kewangan perlu didedahkan kepada orang awam melalui akhbar dan lain-lain media.



SISIPAN KHAS INSKEN

KE ARAH KECEMERLANGAN USAHAWAN

ditubuhkan oleh sekurang-kurangnya dua individu yang menyumbang modal dengan tujuan memperolehi keuntungan hasil daripada aktiviti yang dijalankan. Syarikat berhad ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Perkataan 'berhad' bermaksud liabiliti pemegang saham terhadap jumlah modal yang disumbangkan. Sekiranya syarikat digulung, tuntutan liabiliti hanya terhadap jumlah modal yang disumbangkan dan tidak melibatkan harta individu. Syarikat berhad adalah sebuah entiti perniagaan yang berlainan di antara entiti perniagaan dengan pemiliknya. Dengan kata lain perbadanan syarikat mewujudkan satu entiti berasingan. Oleh sebab itu, syarikat berhad mempunyai taraf perundangannya sendiri, boleh

mendakwa dan didakwa, berupaya membuat kontrak dan memiliki aset.

Selain itu, syarikat berhad ditubuhkan untuk mendapatkan keuntungan kepada pemegang saham. Keuntungan syarikat diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen. Dalam syarikat berhad, pemegang saham tidak terlibat dalam pengurusan syarikat. Segala dasar syarikat ditentukan oleh lembaga pengarah yang dilantik semasa mesyuarat agung tahunan. Biasanya pengurusan dan pentadbiran syarikat dikendalikan oleh kumpulan pengurusan profesional yang dibayar gaji.

Syarikat berhad terbahagi kepada dua jenis iaitu:

- Syarikat sendirian berhad
- Syarikat awam berhad.

Kesimpulan

Secara ringkasnya, entiti perniagaan yang tepat sama ada entiti milikan tunggal atau syarikat berhad, kedua-duanya mempunyai kelebihan tersendiri. Pemilihan entiti yang sesuai untuk memulakan perniagaan bergantung pada banyak faktor.

Faktor-faktor ini harus diperhalusi oleh setiap usahawan agar entiti perniagaan yang tepat dapat melonjak perniagaan mereka ke tahap tertinggi. Di samping itu juga para usahawan perlu mengambil inisiatif untuk menambah ilmu yang berkaitan dengan entiti perniagaan yang dipilih.